

BEDAH SIASAT MAYAT: SATU KAJIAN PERBANDINGAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM DAN SAINS PERUBATAN

Ahmad Bin Muhammad Husni
Che Nurul Asyiqin Binti Che Yusoff
Amin Bin Muhammad Husni

ABSTRAK

Islam telah menetapkan undang-undang yang berkaitan dengan masalah jenayah sebagai panduan kepada para hakim dan pemerintah dalam menjatuhkan hukuman kepada penjenayah yang melakukan kesalahan. Pesalah jenayah akan dijatuhkan hukuman apabila terdapat bukti yang kukuh untuk menyabitkan kesalahan penjenayah. Namun, timbul masalah apabila penjenayah yang melakukan kesalahan tidak diketahui atau kekurangan bukti untuk menyabitkan kesalahan penjenyah. Dalam kes ini, kepakaran sains perubatan dalam bidang forensik adalah diperlukan untuk mengkaji kes-kes jenayah dan mencari bukti bagi menyabitkan kesalahan ke atas mana-mana individu yang bersalah. Pengkaji akan menerangkan serba ringkas tentang hukum dan tujuan pembedahan mayat menurut perspektif Islam dan Sains Perubatan. Selain itu, bagaimanakah etika dan garis panduan untuk melaksanakan bedah siasat ke atas mayat tersebut. Kaedah dan metodologi yang digunakan oleh pengkaji iaitu melalui kaedah kajian maktabi bagi mendapatkan lebih maklumat berbentuk fakta dan info yang berkaitan serta dijadikan maklumat tambahan terhadap kajian yang dijalankan. Bahan-bahan yang menjadi rujukan adalah seperti buku, jurnal, majalah dan akhbar yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian. Kaedah menganalisa data yang telah dilakukan oleh pengkaji diambil dari maklumat-maklumat yang diperolehi hasil dari bahan pembacaan kajian-kajian lepas. Hasil dari kajian ini memperlihatkan bahawa bedah siasat dilakukan tanpa mengira bangsa, agama mahupun keturunan kerana tujuan utamanya adalah untuk mencari bukti dan menegakkan kebenaran. Dunia sains perubatan yang terlalu cepat berubah selari dengan kemajuan teknologi harus dimanfaatkan manusia sebaik-baiknya demi menjaga keharmonian sejagat selagi ia berteepatan dengan kehendak syara' dan tidak melanggar hukum dan etika yang telah ditetapkan dalam Islam.

Kata kunci: Pembedahan Mayat, Forensik, Post-Mortem, Islam dan Sains Perubatan

PENGENALAN

Dalam kepesatan dunia membangun sama ada dari segi pembangunan, ekonomi dan teknologi, masalah sosial juga turut meningkat disebabkan tiadanya keseimbangan di antara kemajuan jasmani dan rohani. Perkara tersebut telah digambarkan oleh Allah s.w.t di dalam al-Quran yang menegaskan bahawa puncanya adalah perbuatan buruk daripada manusia itu sendiri.

Firman Allah s.w.t:

"Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut Dengan sebab apa Yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya Yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk Yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)" (Surah Al-Ruum: Ayat 41).

Islam mengiktiraf keahlian dan kepakaran seseorang dalam bidang masing-masing bagi membantu menyelesaikan setiap masalah yang timbul. Hal ini telah dijelaskan dalam firman Allah s.w.t:

"Dan Kami tidak mengutus Rasul-rasul sebelumnya (Wahai Muhammad) melainkan orang-orang lelaki Yang Kami wahyukan kepada mereka (bukan malaikat); maka Bertanyalah kamu kepada Ahlu'Zikri" jika kamu tidak mengetahui" (Surah al-Anbiya': Ayat 7).

Di dalam bidang sains perubatan yang luas, terdapat satu cabang ilmu yang dinamakan forensik. Bidang ini membincangkan prosedur dan langkah-langkah yang diambil untuk mencari bukti-bukti di dalam kes-kes jenayah. Apabila pakar-pakar yang terlibat di dalam bidang forensik ini mendapat bukti yang kukuh di dalam kajian mereka, bukti-bukti inilah yang di bawa ke mahkamah untuk menyabitkan kesalahan bagi individu yang tertuduh. Tugas seorang yang terlibat dengan bidang forensik atau di kenali sebagai pakar bedah mayat dianggap sebagai satu tugas yang membosankan kerana ruang lingkup pekerjaannya banyak terlibat dengan mayat. Malah, suatu masa dahulu, tugas ini dipandang sebagai satu tugas di luar etika budaya dan kemanusiaan kerana membedah mayat orang yang sudah mati malahan ada yang mengatakan ianya satu tugas yang kejam. Sebenarnya tanpa di sedari, di sebalik anggapan yang pelbagai itu, tugas pakar ini sangat penting di dalam kes yang melibatkan kes kemalangan, pembunuhan, rogol, bakar, liwat, rentung dan bermacam-macam kes lagi. Menurut Dekan Program Yayasan Kajian dan Klinikal, Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya, Prof. Dr. Abdul Latiff Mohamed, bedah siasat hanya dilakukan atas tujuan-tujuan tertentu yang dibenarkan syariat tanpa melibatkan sebarang bentuk penyiksaan atau penderaan ke atas mayat tersebut. Dari segi prinsip Islam, perbuatan itu mungkin mendatangkan kecederaan pada mayat seperti mana dalam sebuah hadis yang menyatakan bahawa mayat tetap akan berasa kesakitan jika perkara yang tidak baik dilakukan ke atasnya. Bedah siasat berpandukan kepada maqasid al-syariat iaitu bertujuan melindungi agama, nyawa, keturunan, akal dan harta. Dalam syariat, ia disebut Dharuriyyat iaitu suatu keadaan yang mana tiada cara atau jalan lain untuk menyelesaikan perkara tersebut melainkan terpaksa melakukan perkara tersebut.

Islam turut membenarkan bedah siasat ke atas mayat berdasarkan kepada prinsip qawaid al-syariat iaitu kaedah-kaedah yang menghalang atau membenarkan perkara-perkara yang haram dilakukan. Selain mencari punca kematian dan penyelidikan, bedah siasat juga bertujuan untuk melakukan pemindahan organ kepada pesakit yang memerlukan. Bagaimanapun, organ tidak akan diambil secara tidak beretika sebaliknya perlu mendapatkan kebenaran waris atau si mati telah membuat surat mengizinkan organnya didermakan. Apabila membincangkan isu bedah siasat, kita tidak dapat lari daripada kontroversi pemindahan organ kerana ia proses yang berkait rapat. Ada sesetengah individu berpendapat, apa yang ada dalam tubuh badan adalah hak Allah s.w.t dan tidak berhak untuk diberi kepada orang lain. Antara organ yang boleh didermakan termasuklah buah pinggang, paru-paru, jantung, hati, pankreas dan kornea mata. Selain itu, bedah siasat hanya dijalankan jika terdapat keraguan pada punca kematian seperti mati secara mengejut dan tiba-tiba. Sekiranya punca kematian adalah jelas, maka bedah siasat tidak diperlukan. Malah Islam tidak membenarkan mayat dibedah tanpa tujuan tertentu kerana perbuatan demikian dianggap menghina dan menganiayai mayat. Islam juga menggariskan agar pembedahan keatas mayat dilakukan dengan cara cermat dan mengikuti etika serta garis panduan yang ditetapkan supaya tidak merosakkan kehormatan dan kemuliaan mayat (Zunaidah Zainon, Utusan Malaysia: Bedah Siasat Bukan Suka-Suka). Dalam satu hadis daripada Aisyah r.a, Rasulullah s.a.w bersabda:

“Memecahkan atau mematahkan tulang mayat sama seperti memecahkannya atau mematahkannya sewaktu hidupnya” (Riwayat Abu Daud).

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mendedahkan kepada masyarakat hukum pembedahan mayat menurut perspektif Islam dan Sains Perubatan. Selain itu, ia bertujuan untuk membolehkan masyarakat mengetahui dengan lebih mendalam lagi tentang tujuan, etika dan garis panduan dalam menjalankan bedah siasat ke atas mayat. Diharapkan juga agar kajian ini mampu membantu masyarakat untuk memahami peranan pakar perubatan yang menceburi bidang forensik yang amat mencabar ini.

DEFINISI

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, bedah siasat didefinisikan sebagai satu pemeriksaan secara pembedahan yang dilakukan terhadap mayat atau bangkai binatang untuk mengetahui atau mengenalpasti punca kematian. Manakala mayat pula bermaksud manusia yang sudah meninggal dunia.

Dari sudut istilah pula, bedah siasat mayat atau dalam bahasa Inggerisnya disebut '*post-mortem*' ditafsirkan sebagai suatu pemeriksaan yang dijalankan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan ke atas mayat. Proses bedah siasat tersebut melibatkan pemeriksaan luaran dan dalaman untuk mengenalpasti punca kematian dan ciri atau setakat mana perubahan dihasilkan oleh sesuatu penyakit, kimia, radiasi, kemalangan, kecederaan dan lain-lain (Dr. Wan Mohamad Zamri bin Wan Nawawi, Dr. Siti Wira binti Mohd Yaro, FAQ Bedah Siasat Mayat).

JENIS-JENIS BEDAH SIASAT MAYAT

Bedah siasat ke atas mayat terbahagi kepada dua jenis iaitu:

i. Bedah siasat klinikal

Bedah siasat mayat dijalankan bagi mengesahkan punca kematian, kesan sesuatu penyakit atau kecederaan serta bagi tujuan pembelajaran dan penyelidikan. Kes-kes kematian ini tidak berkait dengan kes Polis seperti kes penyakit mudah berjangkit atau kematian di wad. Pegawai Perubatan Kerajaan perlu mendapat keizinan dari waris sebelum membuat bedah siasat. Dalam kes-kes yang melibatkan kepentingan umum seperti kes di bawah Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), bedah siasat mayat dibolehkan tanpa perlu merujuk atau mendapat keizinan waris.

ii. Bedah siasat *medicolegal*

Bedah siasat ke atas mayat yang dikaitkan dengan kes Polis seperti kemalangan, mati lemas, kebakaran, pembunuhan dan kematian yang disyaki/tidak pasti sebabnya. Majistret atau Polis akan mengeluarkan arahan (Borang Pol. 61) kepada Pegawai Perubatan Kerajaan untuk menjalankan bedah siasat mayat tanpa perlu merujuk atau mendapat keizinan waris (Anon, *Guidelines on Postmortem from Islamic Perspective*).

HUKUM BEDAH SIASAT MAYAT

Pendapat Menurut Perspektif Islam

Menurut perspektif Islam, pembedahan mayat pada awalnya adalah diharamkan namun kemudian ia telah diharuskan bersandarkan kepada al-Quran, as-Sunnah, al-Ijma' dan akal dengan syarat-syarat dan keperluan yang diperlukan oleh manusia.

i. Pembedahan Mayat Untuk Mengetahui Punca Penyakit

Para fuqaha telah membincangkan isu ini dan terdapat khilaf di kalangan mereka. Sebahagian mereka telah menolak pembedahan ke atas mayat dengan menyandarkan hujah mereka kepada hadis yang telah disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

“Sesiapa yang mematahkan tulang seseorang yang telah meninggal dunia, maka (seolah-olah) dia telah mematahkan tulang semasa orang itu masih hidup.” (Ibnu Majah).

Namun, para fuqaha yang telah mengharuskan pembedahan ke atas mayat telah membincangkan kes di mana apabila terdapat janin yang masih hidup di dalam kandungan ibunya yang sudah meninggal dunia, maka wajib dibedah perut ibunya bagi menyelamatkan nyawa janin tersebut. Pendapat ini diambil dari pandangan Imam an-Nawawi dalam kitab karangannya bertajuk *al-Majmu'* yang bermaksud:

“Kiranya ditelan oleh orang yang mati itu akan sebutir permata yang berharga kepunyaan orang lain dan dituntut balik oleh tuannya maka ketika itu haruslah dibelah perutnya kemudian dikembalikan permata itu kepada tuannya dan kiranya mati seorang perempuan yang masih mengandung dan anak yang dikandung itu masih hidup waktu itu, haruslah dibelah perutnya kerana mengeluarkan anak itu dengan tujuan memelihara satu nyawa walaupun dengan merosakkan satu bahagian daripada anggota mayat itu”.

Berdasarkan kepada pandangan tersebut, para fuqaha bersependapat bahawa hukumnya harus kerana menyelamatkan nyawa insan yang masih hidup adalah lebih auli berbanding pembedahan keatas manusia yang sudah meninggal dunia. Hal ini adalah bertepatan dengan maqasid syariah iaitu untuk menyelamatkan nyawa dan di dalam kaedah fiqh juga ada menyebut '*darurat yang lebih kecil menolak darurat yang lebih besar*' dan '*apabila bertemu dua darurat pilihlah yang lebih ringan*'.

Oleh itu, ulama telah bersepakat bahawa adalah harus hukumnya untuk menjalankan pembedahan ke atas mayat untuk mengetahui punca penyakit bagi menyelamatkan nyawa orang lain yang masih hidup dan yang lebih ramai jumlahnya, daripada pembedahan ke atas beberapa orang mayat sahaja. Namun, pembedahan yang dilakukan haruslah menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan iaitu:

- a) Tiada cara lain untuk mengetahui punca penyakit atau seumpamanya melainkan melalui pembedahan mayat manusia.
- b) Mayat yang dibedah hendaklah mayat orang bukan Islam. Jika menghadapi kesukaran, maka dibenarkan membedah mayat orang islam.
- c) Pembedahan yang dilakukan hendaklah sekadar apa yang diperlukan sahaja. Contohnya, bahagian yang hendak dibedah sahaja didedahkan kerana aurat mayat sama seperti aurat orang yang masih hidup.

ii. Pembedahan Mayat Atas Sebab Jenayah

Firman Allah s.w.t:

“*Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan Yang keji dan mungkar serta kezaliman. ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya*” (Surah an-Nahl: Ayat 90).

Firman Allah s.w.t:

“*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum Dengan adil. Sesungguhnya Allah Dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran Yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat*” (Surah an-Nisa': Ayat 58).

Berdasarkan kepada keadaan masa kini, hukuman ke atas penjenayah dapat dilakukan dengan seadil-adilnya jika bedah siasat ke atas mayat dapat dilaksanakan. Pandangan ini ada disebut oleh Dr. Abdul Basit Abd Rahman menerusi penulisan kertas kerjanya yang telah dibentangkan dalam Konvensyen Fiqh Perubatan Alor Setar 2012 iaitu:

“*Apabila berlaku sesuatu kematian kepada seseorang yang disyaki ada mengandungi unsur-unsur jenayah di dalamnya, maka bolehlah dilakukan pembedahan ke atas mayat tersebut. Bagi masalah ini, para fuqaha' telah merumuskan bahawa jika terdapat tanda-tanda perbuatan khianat yang membawa kepada kematian si mati, maka bolehlah dilakukan pembedahan jenis ini, tetapi ia haruslah memenuhi syarat-syarat sebagaimana yang telah ditetapkan oleh ulama' kontemporari yang lain dan setelah mendapat keizinan dari keluarga si mati.*”

iii. Pembedahan Mayat Bagi Tujuan Pembelajaran

Dalam isu ini, terdapat khilaf dalam kalangan fuqaha dalam menentukan hukum bagi pembedahan mayat untuk tujuan pembelajaran. Pembedahan jenis ini dilakukan oleh pelajar bidang perubatan dengan tunjuk ajar oleh doktor-doktor pakar. Maka, ulama' telah bersepakat untuk mengharuskan pembedahan mayat bagi tujuan pembelajaran atas dasar kemaslahatan umum, iaitu untuk merawat pelbagai jenis penyakit manusia yang masih hidup.

Pendapat Menurut Perspektif Sains Perubatan

Isu berkaitan dengan pembedahan telah dibincangkan secara umum sejak dari awal kemunculan ilmu perubatan. Antara fatwa yang menjelaskan perkara ini ialah fatwa yang telah dikeluarkan pada 31 Oktober 1937 oleh Syeikh Abdul Majid Salim yang merupakan mufti Mesir. Beliau telah mengharuskan pembedahan ke atas mayat dalam bidang sains perubatan berdasarkan kaedah di dalam

Islam yang menjaga masalah dan mengambil mudharat yang paling ringan. Keharusan hukum tersebut haruslah merangkumi perkara berikut:

- a) Pembedahan mayat untuk membuktikan kesalahan ke atas pembunuh dan hanya dengan pembedahan sahaja dapat mengetahui sebab dan punca kematian
- b) Pembedahan mayat yang mati di sebabkan oleh keracunan untuk mengetahui sebab dan jenis racun
- c) Pembedahan mayat di dalam mempelajari ilmu perubatan dan mengkaji penyakit.

Keputusan Fatwa

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-25 yang bersidang pada 13 Disember 1989 telah memutuskan bahawa pembedahan mayat orang Islam hanya boleh dilakukan jika keadaan benar-benar memerlukan (darurat) sahaja seperti terlibat di dalam kes-kes jenayah yang sangat memerlukan bedah siasat atau si mati tertelan benda yang berharga atau si mati yang sedang mengandung sedangkan kandungannya masih hidup.

Pada 27 Januari 2004, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-61-pula telah mengeluarkan hukum berkaitan bedah siasat mayat yang kematiannya bukan dikategorikan sebagai kes jenayah. Dalam hal tersebut, muzakarah telah memutuskan bahawa hukum asal pembedahan mayat adalah haram tetapi dibolehkan sekiranya dalam keadaan dharurat dan terdapat keperluan yang mendesak seperti membuat kajian terhadap penyakit, mengenal pasti punca kematian dan penyelidikan serta pendidikan khususnya dalam bidang perubatan.

TUJUAN BEDAH SIASAT MAYAT

Menurut Perspektif Islam

Islam menolak perkara-perkara yang membawa kemudharatan sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w:

“Tiada mudharat dan tiada kemudharatan” (Hadis riwayat Ibn Majah dan Imam Ahmad).

Dalam kaedah fiqh pula disebutkan *“kemudharatan itu dihindarkan”*. Dalam kaedah lain pula disebut *“kemudharatan itu tidak dihindarkan dengan kemudharatan”*. Sebagai agama yang sangat bersungguh-sungguh menjaga kemashlahatan hidup manusia, maka Islam menolak kemudharatan itu sehingga ada kalanya perkara-perkara yang dilarang itu menjadi harus dilakukan.

Firman Allah s.w.t:

“Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang Yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda Yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani” (Surah al-Baqarah: Ayat 173).

FirmanNya lagi:

“Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah s.w.t. dengan jihad yang sebenar-benarnya, Dialah yang memilih kamu (untuk mengerjakan suruhan agamaNya); dan ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama” (Surah al-Hajj: Ayat 78).

Kaedah fiqh pula menyebut *“darurat itu mengharuskan perkara yang dilarang”*. Namun keharusan melakukan yang diharamkan itu tidaklah terbuka seluas-luasnya. Ia dibolehkan hanya pada kadar yang dihajati sahaja. Demikianlah juga halnya dengan bedah siasat.

Menurut al-Imam ‘Izzuddin bin Abdul Salam:

“Bahawasanya apa yang dihalalkan kerana darurat atau hajat adalah dihadkan mengikut kadarnya dan dihilangkan dengan ketiadaannya”.

Kaedah yang lain pula menyebutkan: *“Apabila bertembung dua mashlahat maka diutamakan yang paling kukuh mashlahatnya dan apabila bertembung antara dua keburukan maka keburukan atau kerosakan yang paling ringanlah yang harus dilaksanakan untuk mengelak daripada keburukan yang lebih dahsyat antara keduanya”*.

Menurut Perspektif Sains Perubatan

Menurut Dr. Abdul Aziz Khalifah al-Qassar, tujuan pembedahan mayat itu terbahagi kepada tiga iaitu:

- i. **At-Tasyrih Al-Jina’iy** iaitu pembedahan yang dilakukan bagi tujuan menyiasat sebab-sebab kematian dan mengenalpasti jenis kematian bagi menyingkap sebarang kesamaran terhadap kejadian tertentu sehingga terbukti kebenaran dan tertegak keadilan.

- ii. **At-Tasyrih Al-Maradhiy** iaitu pembedahan yang dilakukan terhadap mayat yang terkena penyakit bertujuan untuk mengetahui secara mendalam kesan penyakit tersebut ke atas si mati, sama ada ia merupakan penyakit berjangkit atau sebaliknya. Melalui pembedahan tersebut pihak kerajaan boleh mengambil langkah pencegahan untuk menghalang wabak tersebut daripada merebak sehingga mengancam keselamatan dan keamanan masyarakat.
- iii. **At-Tasyrih At-Ta'limiy** iaitu pembedahan yang dilakukan ke atas mayat-mayat manusia di bilik-bilik mayat fakulti perubatan dengan bimbingan doktor-doktor di university yang bertujuan untuk mengetahui secara praktikal dalam bentuk langsung dan ilmiah mengenai anggota-anggota badan dan fungsi-fungsinya yang nyata dan tidak nyata.

Pembedahan bagi tujuan mengetahui punca penyakit dan membantu menyelesaikan kes-kes jenayah pula terbahagi kepada dua jenis iaitu:

1. Pembedahan Mayat Atas Sebab Jenayah

Dalam hal ini, bedah siasat merupakan salah satu cara yang boleh membantu siasatan pihak polis khususnya dalam kes kematian yang disebabkan oleh penjenayah. Hasil bedah siasat tersebut akan dapat membantu pihak mahkamah dalam membuktikan kesalahan penjenayah dan melepaskan pihak yang tidak bersalah supaya keadilan dapat ditegakkan dan kezaliman tidak berleluasa di dalam masyarakat.

2. Pembedahan Mayat Atas Sebab Kajian Terhadap Penyakit

Dalam realiti pencapaian kemajuan bidang sains perubatan sekarang ini, banyak penyakit yang dikenalpasti melalui proses bedah siasat. Hasil bedah siasat tersebut mampu mengenalpasti penyakit dan membantu penyelidikan ubat-ubatan yang sesuai bagi mengatasinya. Selain itu, bedah siasat juga membantu memberi maklumat lanjut tentang keadaan sebenar suatu penyakit yang dihidap oleh seorang pesakit sehingga membawa kepada kematiannya. Dalam hal penyakit berjangkit pula, pihak berautoriti dapat merangka tindakan-tindakan yang perlu diambil tindakan. Ini bererti bedah siasat itu boleh menjadi asas dalam mengambil langkah menyelamatkan nyawa orang ramai, lebih-lebih lagi jika kematian itu dikenalpasti berpunca daripada penyakit yang menular dan boleh merebak dengan cepat seperti penyakit Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) yang mana telah mengejutkan penduduk seluruh dunia sebelum ini. Begitu juga dengan penyakit-penyakit seperti aids, denggi dan seumpamanya. Maka mashlahat bedah siasat ini ialah sebagai jalan dan langkah berjaga-jaga ke arah pencegahan merebaknya penyakit tersebut (Abdul Aziz Khalifah al-Qassar, 1999: 37-40).

ETIKA DAN GARIS PANDUAN DALAM MENJALANKAN BEDAH SIASAT MAYAT

Dari Sudut Perspektif Islam

Walaupun sebahagian ulama' mengharuskan bedah siasat mayat, namun keharusan yang diberikan itu bukanlah secara mutlak atau terbuka luas tanpa had atau batasnya. Bertepatan dengan kehendak syara' dan kaedah-kaedah fiqh yang terdahulu, proses bedah siasat tersebut perlulah dilaksanakan dengan mengambil kira perkara-perkara yang menjadi tuntutan syara'. Antaranya ialah:

a) Menghormati, menjaga hak dan kemuliaan mayat sebagai manusia.

Islam menyuruh orang yang masih hidup supaya menjaga kemuliaan, hak-hak dan kehormatan orang yang telah mati sepertimana orang hidup tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan. Islam melarang seseorang menganiayai seseorang yang lain sama ada pada diri, maruah dan harta mereka.

Firman Allah s.w.t:

"Dan Sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan" (Sural al-Isra': Ayat 70).

b) Menyegerakan urusan bedah siasat mayat

Urusan bedah siasat mayat hendaklah dijalankan dengan segera supaya selaras mengikut kehendak syara' yang mewajibkan mayat diuruskan dengan segera. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan dari Abu Hurairah r.a berkata: Rasulullah saw telah bersabda:

"Segeralah penyelesaian menguruskan jenazah kerana kalau ia jenazah orang soleh maka bererti kamu menyegerakan kepada kebaikan dan apabila sebaliknya (mayat yang tidak soleh) maka bererti kamu telah melepaskan kejahatan dari bahumu"

c) Melakukan bedah siasat setakat yang diperlukan sahaja

Bedah siasat mayat tidak boleh melampaui batas atau had rukhsah yang dibenarkan kerana mengambil kira hukum asal menyakiti mayat adalah haram. Oleh yang demikian, bedah siasat mayat boleh dilakukan ke atas mana-mana anggota mayat yang diyakini

boleh membantu mencapai matlamat pembedahan dan mengenal pasti sebab-sebab kematian. Ini bersesuaian dengan kaedah fiqhiyyah iaitu *‘perkara dharurat adalah dikira mengikut kadarnya’*.

d) Menjaga had bedah siasat mayat berdasarkan dharuriyyat (keadaan mendesak) dan hajiyyat (keperluan)

Dharuriyyat dan hajiyyat menjadi sebab untuk mengharuskan tindakan bedah siasat ke atas mayat. Islam menolak perkara yang boleh membawa kemudharatan sebaliknya mengharuskan perkara yang mendatangkan kebaikan. Setiap tindakan untuk menghindarkan kemudharatan adalah suatu suruhan dan galakan serta bersesuaian dengan matlamat Islam iaitu untuk menjaga dan memelihara masalah kehidupan. Ini berdasarkan kepada hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

“Tidak mudharat dan tidak memudaratkan”.

Selain itu, menurut kaedah fiqhiyyah juga menyebut yang bermaksud *“Perkara-perkara yang dharurat mengharuskan perkara-perkara yang dilarang”*. Bedah siasat mayat tanpa sebab dharuriyyat dan hajiyyat adalah dilarang dalam Islam kerana perbuatan tersebut menganiyai mayat.

e) Menjaga aurat mayat

Menjaga aurat mayat khususnya jika mayat itu perempuan. Oleh itu orang yang sepatutnya melakukan pembedahan ke atas mayat perempuan ialah doktor bedah perempuan juga. Ini kerana haram memandang aurat mayat perempuan itu oleh lelaki asing. Ini bersesuaian dengan pendapat ulama’ yang tidak mengharuskan lelaki asing memandikan mayat perempuan yang tiada hubungan mahram jika tiada seorang perempuan pun ketika itu ataupun mahramnya, bahkan hendaklah dimandikan mayat itu dengan mencurahkan air ke atas keseluruhan badan mayat perempuan itu yang ditutup dengan kain yang tebal tanpa langsung menggunakan tangan. Menurut Imam an-Nawawi, mayat itu tidak dimandikan bahkan ditayammumkan sahaja.

Dalam kitab *al-Iqna’* karangan as-Syarbini al-Khatib bahawa hukum haram menyentuh itu tidak gugur dengan sebab kematian. Dalam makna yang lain, tidak haram bagi seorang lelaki asing menyentuh perempuan ajnabi baginya yang telah menjadi mayat. Bagaimanapun juga, jika tiada langsung doktor bedah perempuan, maka tiadalah halangan untuk dilakukan proses pembedahan itu oleh doktor lelaki atas sebab-sebab darurat.

Dalam hal ini, orang yang melakukan pembedahan itu pasti melihat aurat mayat dengan sengaja sekalipun mereka daripada sesama jenis, kerana antara etika orang yang memandikan mayat ialah tidak diharuskan melihatnya kecuali pada kadar yang diperlukan pada bahagian bukan aurat. Sedangkan perbuatan memandikan mayat itu adalah wajib. Diriwayatkan daripada Saidina Ali r.a, Rasulullah s.a.w bersabda:

“Janganlah kamu nyatakan (perlihatkan) pahamu, dan janganlah kamu memandang kepada paha orang hidup dan orang mati” (Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah).

Menurut Imam an-Nawawi, orang yang memandikan mayat itu hendaklah tidak melihat badan mayat melainkan kadar keperluan yang bukan terdiri daripada aurat (An-Nawawi, 2000: 351-352).

f) Melaksanakan bedah siasat dengan lemah lembut dan cermat

Secara umum mereka yang melakukan pembedahan ke atas mayat hendaklah menghormati mayat yang dibedah dengan menjalankan pembedahan itu secara lemah lembut dan penuh berhati-hati dengan adab-adab yang tidak merosakkan kehormatan dan kemuliaan mayat manusia.

Ketika Imam an-Nawawi membicarakan tentang perkara yang patut dilakukan ke atas mayat sejourus sahaja kematiannya, beliau menekankan bahawa ahli keluarga adalah dituntut supaya memejamkan matanya dan menutup keseluruhan badannya dengan kain, serta menghadapkan mukanya ke arah qiblat. Ia hendaklah dilakukan oleh ahli keluarga yang paling lemah lembut di kalangan mahramnya. Imam an-Nawawi berkata yang bermaksud:

“Dan orang yang menangani perkara itu ialah orang paling berlemah lembut daripada kalangan mahramnya” (Imam An-Nawawi, 2000:322).

Berdasarkan keterangan di atas, maka hendaklah dilakukan pembedahan itu dengan cara yang lemah lembut sesuai dengan tuntutan menghormati mayat seperti mengangkat dan meletakkannya ke tempat bedah dengan lembut dan cermat.

g) Suasana Tenang

Ketika menjalankan bedah siasat ke atas mayat, sewajarnya tidak diganggu dengan bunyi-bunyian yang bising kerana ia dianggap tidak memuliakan mayat. Perkara ini sesuai dengan kenyataan asy-Syeikh Sa’id bin Muhamad Ba’asyin yang mengatakan makruh meninggikan suara ketika dalam perjalanan mengangkat jenazah (untuk dikebumikan) dan juga dalam keadaan memandikan, mengkafkan dan ketika meletakkannya ke dalam kubur. Menurut Ibnu Ziyad pula adalah di sunatkan untuk menyibukkan diri dengan berzikir dengan suara perlahan (asy-Syeikh Sa’id bin Muhammad Ba’asyin, 1992: 399).

Dari Sudut Perspektif Sains Perubatan

Berikut adalah etika dan garis panduan yang perlu dilakukan ketika menjalankan proses bedah siasat mayat di hospital-hospital iaitu:

a) Orang yang dibenarkan hadir semasa bedah siasat mayat

Hanya Pakar Perubatan Forensik/Pegawai Perubatan dan kakitangan forensik serta pihak Polis yang berkaitan sahaja dibenarkan berada di dalam bilik bedah siasat semasa ianya dijalankan.

b) Mengambil langkah-langkah keselamatan

Pegawai dan Petugas perubatan kerajaan yang menjalankan bedah siasat mayat hendaklah mengambil kira langkah-langkah keselamatan terutamanya dalam pengendalian mayat yang berisiko terutamanya bagi kes penyakit berjangkit.

c) Menguruskan mayat dan sampel kajian (organ atau tisu) selepas bedah siasat dengan sebaik-baiknya dengan memastikan perkara berikut dilaksanakan:

- Anggota mayat yang dibedah hendaklah dijahit semula dengan kemas.
- Semua organ atau tisu yang diambil untuk kajian hendaklah dikembalikan kepada mayat sebelum mayat disempurna dan dikebumikan.
- Bagi kes yang memerlukan kajian dan penyelidikan ke atas sampel dari mana-mana anggota mayat yang memakan masa lama (disimpan bertahun-tahun dalam makmal) kerana kekurangan pakar, penyakit masih tidak dapat dikenalpasti, kekurangan alat dan sebagainya, maka jenazah hendaklah disempurna dan dikebumikan dahulu. Manakala organ atau tisu yang diambil untuk kajian hendaklah ditanam atau diserahkan kepada waris atau pihak bertanggungjawab.
- Kajian dan siasatan ke atas sampel yang diambil hendaklah dijalankan dengan segera.

d) Tidak mengambil tisu atau organ mayat

Pegawai dan Petugas Perubatan Kerajaan tidak dibenarkan mengambil mana-mana tisu atau organ daripada mayat yang dibedah siasat melainkan dengan kebenaran undang-undang (Akta Tisu Manusia 174 - Akta 130).

Proses Bedah Siasat Mayat

Bedah siasat yang dilakukan juga perlulah mengikut proses-proses tertentu yang telah ditetapkan. Proses ini amat penting bagi memastikan proses bedah siasat ke atas mayat berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah. Proses tersebut adalah seperti berikut:

- i. Menjalankan pemeriksaan luaran untuk mendokumentasi kecederaan mayat. Pegawai Perubatan Kerajaan akan membuat pemeriksaan terperinci ke atas mayat antaranya pakaian si mati, keadaan mayat secara keseluruhan, perubahan-perubahan luaran yang berkaitan dengan kematian dan penyakit serta tanda-tanda kecederaan. Sekiranya sebab kematian dapat dikenalpasti atau tanpa ragu-ragu maka pembedahan mayat tidak lagi perlu dilaksanakan.
- ii. Sekiranya pemeriksaan luaran masih tidak dapat mengenalpasti punca kematian, maka pemeriksaan dalaman perlu dijalankan. Ini termasuklah membuka tempurung kepala, rongga dada, abdomen, pelvis dan lain-lain anggota badan bila mana perlu.
- iii. Pengambilan spesimen iaitu mengambil cecair badan untuk analisis toksikologi dan lain-lain ujian seperti pemeriksaan radiologi, kaji kuman, kaji tisu dan fotografi forensik.

Prosedur Bedah Siasat Mayat

Antara prosedur pembedahan mayat yang perlu diikuti ialah:

- i. Kebenaran bagi menjalankan bedah siasat mayat tertakluk kepada:
 - Arahan Majistret atau Polis bagi kes-kes kematian medicolegal.
 - Arahan Ketua Pengarah Kesihatan bagi keskes tertentu seperti penyakit berjangkit atas kepentingan umum.
 - Mendapatkan kebenaran dan keizinan bertulis dari waris bagi kes-kes bedah siasat klinikal.
- ii. Bedah siasat ke atas mayat hanya boleh dijalankan di hospital-hospital Kerajaan atau tempat lain yang sesuai (Seksyen 330 Kanun Acara Jenayah).
- iii. Bedah siasat mayat hanya boleh dijalankan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan sahaja.

KESIMPULAN

Sejarah perubatan telah mencatatkan bahawa bedah siasat atau postmortem ke atas mayat, atau dengan lain perkataan ilmu perubatan forensik mula diperkenalkan dari Negara Arab, kemudian berkembang ke Greek dan negara-negara barat seterusnya ke seluruh dunia. Perkembangan kemajuan sains perubatan dalam ilmu pembedahan adalah berasaskan kepada keilmuan yang dibawa oleh Ibnu Sina. Perkembangan dari semasa ke semasa melalui kajian dan pengajian ahli sains perubatan telah menghasilkan teknologi moden dalam ilmu bedah siasat mayat dengan cara lebih saintifik bagi mencari keadilan yang dikehendaki.

Pada abad ke 21 ini, bedah siasat mayat merupakan satu perkara yang tidak dapat dielakkan dan bukan lagi sesuatu yang asing di kalangan umat Islam. Ini kerana ia adalah tindakan yang perlu diambil dan dilakukan untuk kepentingan masyarakat seperti menyelesaikan kes-kes jenayah atau bukan kes jenayah serta kajian dalam bidang perubatan. Walau bagaimanapun, dalam urusan bedah siasat mayat, Islam telah menetapkan beberapa etika dan garis panduan yang perlu diikuti supaya tidak timbul percanggahan antara tuntutan syarak dengan amalan yang dilakukan dalam bidang perubatan.

RUJUKAN

Al-Quran. Terjemahan.

Abdul Aziz Khalifah al-Qassar. 1999. *Hukum Tasyrih al-Insan Baini asy-Syari'ah wa al-Qanun*. Beirut: Dar Ibn Hazm.

Abdul Basit Abd Rahman. *Pembedahan Kosmetik*. Konvensyen Fiqh Perubatan Alor Setar 2012.

Al-Syeikh Walid bin Rasyid al-Su'aidan. 2007. *Isu-isu Fiqh Perubatan Semasa*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications.

An-Nawawi. 2000. *Minhaj Ath-Thalibin*. Delhi: Adam Publishers and Distributors.

An-Nawawi. 1995. *Al-Majmu' Sharh al-Mahdhab Lil-Shirazi*. Riyadh: Dar al-Nafa'is.

Anon. *Guidelines on Postmortem from Islamic Perspective*. Portal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Buletin Mufti Bil 1/2012 (ms 6-7). Jabatan Mufti Negeri Kelantan

Dr. Wan Mohamad Zamri bin Wan Nawawi, Dr. Siti Wira bt Mohd Yaro. *FAQ Bedah Siasat Mayat*.

Zunaidah Zainon. *Bedah siasat bukan suka-suka*. Utusan Malaysia.

Ahmad Bin Muhammad Husni

Department of Fiqh & usul al-Fiqh. AHAS, AbdulHamid AbuSulayman Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, IIUM Gombak Campus. P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur, International Islamic University Malaysia.

ahmedking25@gmail.com & ahmedking@iium.edu.my

Che Nurul Asyiqin Binti Che Yusoff

Student Master of Islamic Revealed Knowledge and Heritage, Department of Fiqh & usul al-Fiqh. AHAS, AbdulHamid AbuSulayman Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, IIUM Gombak Campus. P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur, International Islamic University Malaysia.

Amin Bin Muhammad Husni

Kolej Dar al-Hikmah, Sg. Ramal Dalam, 43000 Kajang, Selangor, Darul Ehsan, Malaysia.